

PEKAKA BINTIK-BINTIK
Blue-eared Kingfisher

FAMILI: Alcedinidae
NAMA SAINTIFIK: *Alcedo meninting*



CIRI-CIRI

Burung dewasa seakan-akan Pekaka Cit-Cit Kecil, *A.atthis*, tetapi saiznya lebih kecil, mempunyai bahagian telinga yang berwarna biru. Bahagian atas badan selalunya berwarna biru pekat manakala bahagian bawah badan berwarna oren kekuningan. Hampir kesemua bahagian paruh berwarna hitam. Bagi burung betina, paruh adalah berwarna kemerahan. Bagi burung juvenil pula, pipi dan bahagian telinga berwarna coklat kemerahan, bahagian dada terdapat jalur-jalur kelabu dan paruh berwarna merah.

SAIZ

Panjang keseluruhan burung dewasa adalah 15.5 sm-6.5 sm. Berat kira-kira 19.7 g.

MAKANAN

Ikan-ikan kecil, ketam, cicak dan juga serangga.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan jeram, sungai-sungai kecil dan tasik di kawasan hutan dipterokap dan hutan tanah pamah, serta di kawasan paya bakau. Ia boleh dijumpai sehingga ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi yang bernada lebih tinggi dan pendek berbanding bunyi Pekaka Cit-Cit Kecil.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan daripada bulan Februari hingga Ogos sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk lubang atau terowong di kawasan tebing tanah. Burung betina menghasilkan 3-8 biji telur dan warna telur adalah putih berkilat. Anggaran saiz telur adalah 20.3 x 17.6 mm.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.